

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

SOALAN

DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan adakah Menteri sedar bahawa Perbadanan Labuan sebagai agensi pelaksana memerlukan perjawatan tambahan bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada rakyat Labuan. Bilakah kali terakhir Perbadanan Labuan membuat penstrukturran dengan tambahan perjawatan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Labuan, Pihak Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) telah mengambil maklum bahawa Perbadanan Labuan (PL) memerlukan perjawatan tambahan untuk melaksanakan tanggungjawabnya selaku *Lead Agency* di Wilayah Persekutuan Labuan.

Cadangan penstrukturran semula agensi Perbadanan Labuan telah dikemukakan kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk pertimbangan. Mesyuarat terkini mengenai perkara ini bersama JPA telah diadakan pada 28 September 2020. Perkara ini masih menunggu pertimbangan selanjutnya daripada pihak JPA kerana syarat yang ditetapkan oleh JPA adalah cadangan penstrukturran semula perlu diuruskan secara tukar ganti (*trade off*) dan tidak ada implikasi kewangan. Penjimatan bajet adalah digalakkan.

Pihak KWP bersama PL juga merancang untuk mengadakan retreat bagi memperhalusi cadangan penstrukturran semula Perbadanan Labuan dan akan dilaksanakan apabila penularan wabak Covid-19 di negara ini dapat diputuskan atau mencapai situasi yang lebih sesuai.

Sekian, terima kasih.